



19 Ogos 2025  
19 August 2025  
P.U. (A) 258

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN ANGKATAN TETAP  
(PENCEN, GANJARAN DAN FAEDAH-FAEDAH LAIN)  
(PINDAAN) 2025

*REGULAR FORCES  
(PENSIONS, GRATUITIES AND OTHER BENEFITS)  
(AMENDMENT) REGULATIONS 2025*

DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA ANGKATAN TENTERA 1972

PERATURAN-PERATURAN ANGKATAN TETAP (PENCEN, GANJARAN DAN  
FAEDAH-FAEDAH LAIN) (PINDAAN) 2025

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 187 Akta Angkatan Tentera 1972 [*Akta 77*], Majlis Angkatan Tentera, dengan kelulusan Yang di-Pertuan Agong, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Angkatan Tetap (Pencen, Ganjaran dan Faedah-Faedah Lain) (Pindaan) 2025**.

(2) Peraturan-Peraturan ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Ogos 2003.

**Pindaan peraturan 19**

2. Peraturan-Peraturan Angkatan Tetap (Pencen, Ganjaran dan Faedah-Faedah Lain) 1982 [*P.U. (A) 123/1982*] dipinda dalam peraturan 19—

(a) dengan menggantikan subperaturan (1) dengan subperaturan yang berikut:

“(1) Jika disebabkan kepentingan perkhidmatan seseorang anggota yang gajinya dibayar daripada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan tidak dapat mengambil cuti rehat tahunannya, anggota itu boleh dibenarkan mengumpul sehingga setengah daripada kelayakan cuti rehatnya bagi tahun itu yang dia layak diberikan award wang tunai tetapi tertakluk kepada maksimum sebanyak lima belas hari dalam setahun, dengan syarat bahawa jumlah bilangan cuti rehat terkumpul itu hendaklah tertakluk kepada maksimum satu ratus dua puluh hari.”; dan

(b) dengan memasukkan selepas subperaturan (1) subperaturan yang berikut:

“(1A) Walau apa pun subperaturan (1), pada tahun akhir perkhidmatannya, seseorang anggota itu dibenarkan untuk mengumpul cuti rehatnya yang dia layak bagi tahun itu dan apa-apa baki cuti rehatnya yang dia layak pada tahun sebelumnya bagi maksud pemberian award wang tunai, dengan syarat bahawa jumlah bilangan cuti rehat terkumpul bagi maksud pemberian award wang tunai itu tidak melebihi satu ratus dua puluh hari.

(1B) Jika seseorang anggota bersara atau mati dalam perkhidmatan, dia atau orang tanggungannya, mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh diberikan award wang tunai bagi setiap hari cuti rehat terkumpulnya yang hendaklah dihitung berdasarkan formula yang berikut:

$$\frac{1}{30} \times \text{gaji akhir yang diterima} \times \text{jumlah bilangan cuti rehat terkumpul tertakluk kepada maksimum satu ratus dua puluh hari.}$$

(1C) Bagi maksud penghitungan award wang tunai bagi cuti rehat terkumpul, gaji akhir yang diterima termasuk apa-apa elaun, imbuhan atau unsur lain yang ditentukan oleh Kerajaan mulai 1 Ogos 1993 sebagaimana yang boleh diambil kira bagi maksud pembayaran award wang tunai, tetapi tidak termasuk elaun berpencen.

(1D) Bagi maksud subperaturan (1), (1A), (1B) dan (1C), jumlah bilangan cuti rehat terkumpul bagi anggota yang berada dalam perkhidmatan dan bersara atau mati dalam perkhidmatan

sebelum 1 Ogos 2003 hendaklah tertakluk kepada maksimum sembilan puluh hari.”.

Dibuat 29 Julai 2025  
[MOD.600-1/2/10; PN(PU2)140/JLD.16]

DATUK LOKMAN HAKIM BIN ALI  
*Setiausaha Majlis Angkatan Tentera*

ARMED FORCES ACT 1972

REGULAR FORCES (PENSIONS, GRATUITIES AND OTHER BENEFITS) (AMENDMENT)  
REGULATIONS 2025

IN exercise of the powers conferred by section 187 of the Armed Forces Act 1972 [*Act 77*], the Armed Forces Council, with the approval of the Yang di-Pertuan Agong, makes the following regulations:

**Citation and commencement**

1. (1) These regulations may be cited as the **Regular Forces (Pensions, Gratuities and Other Benefits) (Amendment) Regulations 2025**.

(2) These Regulations are deemed to have come into operation on 1 August 2003.

**Amendment of regulation 19**

2. The Regular Forces (Pensions, Gratuities and Other Benefits) Regulations 1982 [*P.U. (A) 123/1982*] are amended in regulation 19—

(a) by substituting for subregulation (1) the following subregulation:

“(1) Where in exigency of service a member whose salary is paid out of the Federal Consolidated Fund cannot avail his annual vacation leave, the member may be permitted to accumulate up to half of his vacation leave eligibility for that year which he is entitled to be granted a cash award but subject to a maximum of fifteen days in a year, provided that the total number of the accumulated vacation leave shall be subject to a maximum of one hundred and twenty days.”; and

(b) by inserting after subregulation (1) the following subregulations:

“(1A) Notwithstanding subregulation (1), on the last year of his service, a member is permitted to accumulate his vacation leave which he is entitled to for that year and any balance of his vacation leave which he is entitled to from the previous year for the purpose of granting the cash award, provided that the total number of the accumulated vacation leave for the purpose of granting the cash award shall not exceed one hundred and twenty days.

(1B) Where a member retires or dies in service, he or his dependant, as the case may be, may be granted a cash award for each day of his accumulated vacation leave which shall be calculated based on the following formula:

$$\frac{1}{30} \times \text{last drawn salary} \times \text{total number of accumulated vacation leave subject to a maximum of one hundred and twenty days.}$$

(1C) For the purpose of calculating the cash award for the accumulated vacation leave, last drawn salary inclusive of any allowance, affixes or other elements determined by the Government from 1 August 1993 that may be taken into account for the purpose of the payment of a cash award, but does not include pensionable allowance.

(1D) For the purposes of subregulations (1), (1A), (1B) and (1C), the total number of the accumulated vacation leave of a member who has been in service and retired or died in service before 1 August 2003 shall be subject to a maximum of ninety days.”.

Made 29 July 2025  
[MOD.600-1/2/10; PN(PU2)140/JLD.16]

DATUK LOKMAN HAKIM BIN ALI  
*Secretary of the Armed Forces Council*